isentia
AUTHOR: Oleh Essa Abu Yamin SECTION: NASIONAL PAGE: 9 PRINTED SIZE: 839.00cm² REGION: KL
MARKET: Malaysia PHOTO: Full Color ASR: MYR 27,782.00 ITEM ID: MY0051139920



19 JAN, 2023

31 pemain industri diiktiraf, terima Anugerah HRD 2022

Berita Harian, Malaysia

31 pemain industri diiktiraf, terima Anugerah HRD 2022

Penghargaan diberi jadi pemangkin syarikat terus beri komitmen terbaik

Oleh Essa Abu Yamin
essabuyamin@bh.com.my

Sivakumar bersama Mustapha serta Datuk Shahul dan penerima anugerah pada majlis Anugerah HRD 2022 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur, semalam. (Foto Asyraf Hamzah/BH)

Kuala Lumpur: Pencapaian cemerlang dan sumbangan 31 pemain industri dalam pembangunan modal insan diberikan pengiktirafan sebagai pemenang Anugerah Pembangunan Sumber Manusia 2022 (HRD 2022), yang berlangsung di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur, kelmarin.

Anugerah HRD 2022 berkenaan terbahagi kepada dua kategori iaitu Anugerah Menteri Sumber Manusia untuk majikan syarikat besar dengan 17 anugerah dan Anugerah HRD Corp untuk 14 Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS), penyedia latihan dan jurulatih.

Menteri Sumber Manusia, V Sivakumar, berkata Anugerah HRD adalah cara terbaik untuk menilai prestasi majikan dan pemain industri dalam memperkukuh usaha pembangunan sumber manusia mereka.

"Wawasan jangka panjang Malaysia untuk menjadi negara berpendapatan tinggi dan maju dalam ekonomi bergantung pada keupayaan kita untuk mengembangkan tenaga kerja dan bakat. Walaubagaimanapun, ini tidak boleh dicapai jika ia hanya dilakukan kerajaan sahaja.

"Setiap daripada kita perlu memainkan peranan masing-masing dan mengambil bahagian dalam pelbagai aspek untuk menyumbang kepada pembangunan modal insan," katanya ketika berucap pada Majlis Anugerah HRD Ke-20 2022 dekat sini, kelmarin.

Sivakumar turut mengucapkan tahniah kepada semua pemenang dan HRD Corp atas sumbangan dan dedikasi mereka ke arah memperkukuh ekosistem pembangunan modal insan Malaysia.

Sementara itu, Ketua Eksekutif HRD Corp Datuk Shahul Dawood, berkata anugerah berkenaan juga memainkan peranan penting dalam membentuk trend dan memudahkan pertumbuhan tenaga kerja serta bakat Malaysia sejak dua dekad lalu.

"Sebanyak 5,508 majikan berdaftar dari dua kategori telah dinilai dan pemenang dipilih oleh hakim selepas semakan selama beberapa bulan, berdasarkan pendekatan inovatif dan keberkesanan terhadap pembangunan modal insan," katanya.

Majlis itu menyaksikan 17 anugerah diberikan kepada pemenang Anugerah Menteri Sumber Manusia dan antara penerima termasuklah 7-Eleven Malaysia Sdn Bhd, AirAsia Berhad, Alam Flora Sdn Bhd, CIMB Bank Berhad dan CUCKOO International (MAL) Sdn Bhd.

Capai standard tertinggi

Anugerah HRD Corp diberikan kepada 14 PKS, penyedia latihan dan jurulatih yang telah mencapai standard tertinggi dalam pembangunan modal insan dan antara pemenangnya ialah Aspac Lubricants (Malaysia) Sdn Bhd (bagi kategori majikan); CF Learning Services Sdn Bhd (penyedia latihan) dan Alvin Tan Bok Lim (jurulatih).

Anugerah Human Resource Development (HRD) telah diperkenalkan oleh HRD Corp pada 2001 dan diiktiraf oleh Kementerian Sumber Manusia. Anugerah ini adalah pengiktirafan tertinggi negara kepada pemain industri yang telah menerajui inovasi dan transformasi modal insan.

Yang turut hadir, Timbalan Menteri Sumber Manusia Mustapha Sakmud.

Sementara itu, Pemenang Anugerah Menteri Sumber Manusia, Ketua Pegawai Insan Tenaga Nasional Berhad (TNB), Wahizan Abd Rahman, berkata pihaknya bersyukur kerana memenangi anugerah berkenaan dan secara tidak langsung usaha mereka untuk membangunkan keupayaan insan dalam syarikat, khususnya semua pekerja di TNB sudah membuahkan hasil.

"Bukan sahaja daripada segi memenangi anugerah semata-mata, tetapi dari segi keprihatinan mereka dapat bergerak seiring dengan kemajuan syarikat," katanya ketika ditemui.

Beliau berkata, pihaknya juga berdepan dengan cabaran teknologi dan bidang kerja baharu, dengan komitmen kerjasama daripada seluruh anggota kerja sama ada penyelia atau ketua mereka sama-sama membantu memberi dorongan melatih serta membimbing anak buah mereka.

"Terima kasih kepada HRD Corp kerana fasiliti yang ada membolehkan pihak syarikat untuk tidak teragak-agak memberi apa yang perlu kepada anggota kerja masing-masing.

"Saya berharap semua pihak dapat meneruskan usaha untuk membangunkan anggota kerja yang sememangnya akan memberi pulangan besar kepada negara," katanya.

Terus tingkat kemahiran

Seorang lagi wakil pemenang anugerah berkenaan, Ketua Pegawai Modal Insan Telekom Malaysia (TM), Sarinah Abu Bakar, berkata kemenangan berkenaan adalah untuk semua warga kerja TM.

Beliau turut menegaskan, usaha meningkatkan kemahiran dan kemahiran semula bagi semua warga kerja menjadi pegangan syarikat selama ini.

"TM secara inspirasinya adalah untuk menjadi salah satu pusat modal insan berteknologi.

"Dalam hal itu, syarikat sentiasa mengadakan program pembangunan untuk semua pekerja supaya mereka sentiasa mempunyai kemahiran yang diperlukan untuk menambahkan kecemerlangan kepada syarikat," katanya.

Katanya, pada masa akan datang semua warga kerja TM diharap dapat terus meningkatkan kemahiran masing-masing kerana dunia ketika ini berdepan dengan teknologi yang kerap kali berubah dengan kemajuan yang pesat.

"Kita perlu sentiasa ada kemahiran keterhadapan seperti kemahiran analitik, Internet Pelbagai Benda (IoT), pengkomputeran awan (CLOUD) dan Sekuriti Siber. Kemahiran baru berkenaan sentiasa ditekankan kepada semua pekerja TM khususnya.

"Mereka semua perlu mengambil peluang berkenaan untuk menambahkan kemahiran mereka supaya kerjaya masing-masing lebih cemerlang di masa hadapan," katanya.

Datuk Shahul berucap pada Majlis Anugerah HRD Ke-20 2022 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur.

Sivakumar bersama Mustapha (kiri) menyampaikan anugerah kepada Wahizan (dua dari kiri) sambil diperhatikan Datuk Shahul (kanan) di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur.

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.